

05/03/1998

Arahan MT bukan antidemokrasi

Manja

KEPUTUSAN mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno Isnin lalu menetapkan ahli MT yang memegang jawatan ketua bahagian tidak boleh dicabar, manakala ahli MT bukan penyandang tidak boleh mencabar ketua bahagian, bukan bermakna Umno tidak lagi mengamalkan demokrasi. Seperti dijelaskan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, satu daripada tanggungjawab Umno ialah tataetika. Semua ahli Umno mesti cintakan parti dan mematuhi keputusan MT yang berupa pendirian parti. Kerana keputusan MT itu selari dengan perlembagaan Umno, yang digubal dan diluluskan oleh ahli parti sendiri melalui wakil yang mereka pilih, tidak harus lagi timbul sama ada ia harus dipatuhi atau tidak. Lagipun, keputusan itu dibuat selepas ternyata nasihat Presiden supaya pertandingan bagi jawatan ketua dalam pemilihan peringkat bahagian mulai minggu depan bagi membolehkan tumpuan diberikan kepada usaha menangani kegawatan ekonomi, kurang diendahkan kebanyakan pemimpin Umno. Hanya mereka yang menyertai Umno untuk kepentingan peribadi yang membuat tafsiran sendiri dan lupa dengan kesan buruk terhadap parti apabila perlembagaan tidak lagi dijadikan pedoman perjuangan.

Dengan keputusan terbaru MT itu, 30 ahli MT yang memimpin bahagian sekarang boleh mengurut dada lega. Sepuluh lagi ahli MT yang bukan ketua bahagian pula terpaksa melupakan hasrat mereka, jika ada, untuk cuba menggunakan kedudukan dalam badan tertinggi Umno itu sebagai alasan atau kelebihan bagi menjawat kerusi nombor satu pada peringkat bahagian. Kepada yang kecewa dengan keputusan itu kerana impian untuk bertanding ketua bahagian tidak tercapai, mereka seharusnya berbalik kepada nawaitu menyertai politik, langkah yang barangkali sudah lama tidak dilakukan oleh kebanyakan ahli Umno sekarang. Jika benar mahu memberi sumbangan dan memperjuangkan nasib bangsa, jawatan, apa lagi ketua bahagian, bukan jalan tunggal. Malangnya kerana kedudukan ekonomi hampir sebahagian besar pemimpin Umno, sama ada ketua cawangan atau ahli jawatankuasa bahagian dilihat meningkat secara mendadak, perjuangan kebanyakan mereka yang menyertai Umno sekarang seolah-olah hanya untuk menjadi pemimpin dan mencari kekayaan. Zaman orang menolak untuk memimpin Umno cawangan tidak berlaku lagi. Apa yang terjadi, tidak cukup dengan jawatan ketua cawangan, orang yang sama akan memastikan PIBG, persatuan belia, JKKK, malah jawatankuasa pengurusan masjid pun di bawah pimpinan mereka.

Dalam hubungan ini, kita amat berharap tujuan MT membuat keputusan itu benar-benar mencapai matlamat iaitu meredakan ketegangan dalam parti supaya semua tenaga yang ada boleh difokuskan kepada usaha menangani kegawatan ekonomi sekarang. Dengan keputusan itu, ahli MT merangkap ketua jawatan ini, yang sebahagian besar turut memegang jawatan penting dalam kerajaan sama ada di peringkat Pusat atau negeri, boleh menumpukan perhatian kepada tugas mereka tanpa terlalu risau akan kehilangan kerusi dalam parti. Masa dan tenaga yang terluang kerana tidak perlu lagi berkempen untuk memenangi jawatan itu, seharusnya digunakan bagi merapatkan hubungan akibat pergeseran yang mungkin timbul sebelum keputusan MT itu. Keputusan MT itu pasti tidak memberi sebarang makna jika ketua bahagian terbabit mengambil kesempatan itu dengan berkempen sakan bagi menentukan kemenangan puak-puak mereka bagi jawatan timbalan ketua ke bawah atau di bahagian yang mengizinkan pertandingan jawatan ketua.

Semua ahli Umno seharusnya sedar tugas utama mereka ialah terus memastikan parti mencapai kemenangan dalam pilihan raya. Tetapi apa yang berlaku sekarang kesengitan perebutan jawatan di peringkat bahagian

mengalahkan kehebatan kempen pilihan raya antara Umno dan Pas di Terengganu dan Kelantan satu ketika dulu. Ada puak Umno di peringkat bahagian sekarang hanya tidak mengafirkan lawan saja, lainnya hampir semua taktik kotor pembangkang digunakan bagi memastikan kemenangan. Ada yang rela berpatah arang semata-mata kerana tewas dalam pertandingan lalu dan ketika pilihan raya, mereka bukan saja agak naif untuk memastikan kemenangan parti, malah secara diam-diam mengharapka calon parti sendiri tewas.

Keadaan seperti ini seharusnya tidak berlaku jika semua ahli Umno sayangkan parti. Kerana menyedari perkara inilah, MT dari semasa ke semasa terpaksa membuat arahan baru atau mengingatkan mengenai perlembagaan parti. Walaupun bukan semua keputusan MT menggembirakan ahli parti, apa yang berlaku dalam Umno sekarang memang memerlukan tindakan sedemikian. Memang cinta, kasih dan sayang tidak boleh dipaksa tetapi kerana banyak sejarah hitam menimpa Umno akibat keghairahan ahlinya mengejar kedudukan, Perkara 1.1.4 Tata Etika Ahli Umno terpaksa menyebut `Semua ahli Umno hendaklah cintakan parti dan mematuhi serta menghormati keputusan parti'.

(END)